

Seorang lagi tokoh MCA dijangka undur

KUALA LUMPUR, Selasa — Pengosongan kerusi Parlimen Seremban oleh Datuk Lee San Choon tidak lama lagi, menimbulkan ramalan dan khabar-khabar angin bahawa sekurang-kurangnya seorang lagi tokoh terkemuka MCA yang mempunyai hubungan rapat dengan bekas Presiden parti itu akan turut mengundurkan diri.

Ramalan yang sedang hangat diperbincangkan di kalangan pemerhati politik MCA, parti kaum Cina yang terbesar di negara ini, ialah bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Datuk Lee Boon Peng akan mengosongkan kerusi Parlimen Mantin tidak lama lagi dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Chan Siang Sun akan meletakkan jawatan untuk menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Satu lagi ramalan yang menjadi tajuk perbualan ialah bekas Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon akan mengosongkan kerusi Parlimen Shah Alam apabila beliau dilantik menjadi duta ke Amerika Syarikat, November ini.

Walaupun Datuk Lee San Choon belum lagi menyerahkan surat perletakan jawatannya yang dijadualkan bulan depan, MCA di bawah pimpinan Pemangku Presiden, Datuk Dr Neo Yee Pan sudah

bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya kecil merebut kerusi Parlimen Seremban.

Dua jawatankuasa — peringkat pusat dan negeri — sudah ditubuhkan bagi menggerakkan jentera parti bagi memastikan kemenangan parti itu dalam pilihanraya kecil itu.

Kerusi Seremban, yang menjadi kubu kuat DAP, dirampas oleh MCA dalam pilihanraya umum tahun lepas dengan majoriti hanya 864 undi.

Tetapi, hingga kini MCA masih belum memberikan jawapan mengapa setelah bertungkus-lumus mendapatkan kerusi itu, ia mahu mengosongkannya hanya 18 bulan setelah memenangnya.

Khabar-khabar yang sedang merebak, khususnya di kalangan masyarakat Cina menyatakan, Datuk Lee Boon Peng yang meletakkan jawatan Setiausaha Parlimen Jun lalu, akan mengosongkan kerusi Parlimen Mantin yang bersempadankan Seremban, sebagai strategi MCA untuk mengekalkan penguasaan kedua-dua kawasan itu.

Laporan-laporan itu menyatakan, kesulitan MCA untuk mengekalkan kerusi Seremban daripada ditawan semula oleh DAP, yang pasti akan berjuang habis-habisan, akan dipermudahkan jika kerusi itu dan Mantin dipertandingkan sekali gus.

Di samping itu, bukanlah lagi satu rahsia baha-

wa Datuk Lee Boon Peng tidak mendapat tempat di kalangan barisan pemimpin baru MCA di bawah Datuk Dr Neo.

Ini terbukti apabila beliau meletakkan jawatan dalam rombakan Kabinet Jun lalu mengikut Datuk Lee San Choon, walaupun beliau menegaskan pengundurannya bukan disebabkan tekanan daripada pihak Datuk Dr Neo tetapi untuk memberi peluang kepada barisan pemimpin muda.

Tetapi, Datuk Lee Boon Peng, ketika dihubungi oleh *Berita Harian* semalam, menafikan sekeras-kerasnya ramalan itu.

Belliau berpendapat, ada pihak-pihak yang ingin 'menangguk di air keruh' dengan sengaja menyebarkan khabar angin bahawa beliau akan mengosongkan kerusi Mantin.

"Saya tidak mempunyai rancangan mengosongkan kerusi itu dan akan terus menjadi ahli Parlimen Mantin," tegasnya.

Datuk Lee Boon Peng, bagaimanapun, enggan mengulas sama ada pihak yang beliau maksudkan itu, di dalam atau luar MCA.

Mengenai ramalan pengosongan kerusi Shah Alam oleh Datuk Lew dan perletakan jawatan Datuk Chan daripada jawatan Timbalan Menteri, laporan-laporan berkata, ia adalah untuk membolehkan lebih ramai 'orang' Datuk Dr Neo dilantik.